

بودايا نكري BUDAYA NEGERI

**BERITA PENYELIDIKAN BUDAYA NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**

BIL. 9/93 JANUARI 1993

PERCUMA

ISSN 0128 - 4649

BIL. 9/93, 10/93, 11-12/93 = 1993



**TAMAN SENI BUDAYA N. SEMBILAN
- TERATAK PERPATIH-**

RENUNGAN.....

TIDAK ADA UMPAT YANG MEMBUNUH TIDAK ADA PUJI YANG MENGENYANG.....

Mengumpat atau mengeji bererti mencaci atau memburukkan orang lain dengan kata- kata kesat atau kata- kata buruk, mengumpat biasanya ditujukan kepada seseorang yang lebih berada atau lebih berkuasa, ia tidak berupaya memenuhi kehendak semua orang, bagi mereka yang tidak berjaya maka ia akan mengata- ngata dengan perkataan keji dan buruk, itulah yang dikatakan umpat

Ertinya:

Pepatah ini memberikan pendapat atau nasihat kepada seseorang supaya janganlah menghiraukan kata- kata keji atau pujian kerana kejian itu tidak merugikan dan sebaliknya pujian tidak pula menguntungkan.

Ulasan:

Manusia ini memang sudah jadi tabiatnya suka bercakap mengenai hal keburukan orang lain, padahal dia sendiri tidak kurang pula kelemahan dan keburukannya. Jarang sekali orang memuji seseorang lain walaupun ia tidak berjaya dalam hidupnya.

Dalam pergolakan yang berlaku di dunia yang dikatakan manusianya telah bertamadun ini, umpat- mengumpat, keji- mengeji, caci- mencaci buruk- memburukkan orang lain nampaknya sudah menjadi kain basahan terutama dalam kegiatan politik, negara- negara demokrasi seperti negara kita kebebasan bersuara, menulis dan lain- lain adalah dijamin dalam perlembagaan sebagai salah satu dari hak asasi manusia. Kadang- kadang ia digunakan dengan sewenang- wenangnya dan mengikut perasaan dan emosi yang melampaui tata susila dan budaya bangsa lebih- lebih lagi ditegah oleh agama.

Dalam kempen- kempen pilihanraya perkara- perkarayang seumpama ini nampaknya sudah menjadi satu permainan bagi setengah- setengah pemimpin yang hendak menegakkan kebenaran masing- masing dengan tujuan untuk mengalahkan lawan.

Orang tua- tua dulu nampaknya sudah arif dan berpengalaman dalam hal- hal seumpama ini, kerana itulah ia menciptakan pepatah ini untuk pengetahuan dan panduan yang sangat elok diambil perhatian.

A. Samad Idris

Buat baik berpada- padah. 136.

PENYELIDIKAN BUDAYA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**Berfungsi dengan
tiga objektif
yang penting**

- 1. Koleksi**
- 2. Dokumentasi**
- 3. Penyelidikan /
Penerbitan**

BUDAYA NEGERI

PENASIHAT

Tan Sri Dato' A. Samad Idris

REDAKSI

**Norhalim Hj. Ibrahim
Hj. Muhammad Tainu
Norazla Arshad**

ALAMAT

**Tingkat 0 (Bawah)
Bangunan Lama
Pejabat SUK N. Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70000 Seremban.
Tel: 06 - 735401**

TAMAN SENI BUDAYA

N. SEMBILAN

(Oleh Haji Muhammad Tainu)

Taman Seni Budaya Negeri Sembilan (TSBNS) terletak di Simpang jalan masuk ke bandar Seremban dari lebuh raya Kuala Lumpur - Seremban, di jalan Labu kira-kira 1,000 meter dari bandar Seremban.

Dalam kawasan seluas 8 ekar, tersergam bangunan indah, berbumbung lentik ala Minangkabau sebagai bangunan ibu diberi nama 'Teratak Perpatih'. Di samping bangunan itu terdapat dua buah bangunan tradisi (lama) yang diberi nama, Rumah Minangkabau dan muzium negeri. Terdapat juga sebuah lagi bangunan disisinya sebagai pejabat dan bengkel kraftangan.

Bangunan Teratak Perpatih itu ialah bekas bangunan astaka Musabaqah Al- Quran tahun 1981 yang telah dipindahkan ke tapak Taman Seni Budaya dan telah diubah suai sebegitu rupa seperti yang dilihat sekarang ini dijadikan tempat pameran.

Rumah Minangkabau sebelumnya terletak di Jalan Taman Bunga yang lebih dikenali dengan 'rumah hantu' dan berasal dari bangunan lama istana Ampang Tinggi di Kuala Pilah, dipindahkan ke kawasan TSB. Begitu juga bangunan Muzium Negeri yang reka bentuknya hampir serupa dengan "Rumah Minangkabau" sebelumnya terletak di jalan Dato' Hamzah berhampiran dengan bangunan lama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

TSBNS ditubuhkan pada 12 April 1983, adalah sebagai salah satu projek Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Detik permulaan rangkaian projek akhirnya menjadi TSBNS ialah pada bulan Julai 1980. Suatu Jawatankuasa Kecil bagi memajukan kraftangan Negeri Sembilan telah ditubuhkan, dipengerusikan oleh YB. Dato' Hajjah Khatimah (Allahyarhamah).

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:-

- i) Meningkatkan mutu kraftangan Negeri Sembilan
- ii) Menambah pasaran sama ada di dalam atau di luar negeri bagi hasil kraftangan Negeri Sembilan

Dalam menjalankan tugas-tugas di atas,

Jawatankuasa ini telah memperakukan supaya:-

- i) Menubuhkan Unit Kemajuan kraftangan di Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan.
- ii) Mewujudkan pusat kraftangan untuk menjadi badan penaja dan pemasaran.
- iii) Menubuhkan Lembaga Kraftangan Negeri Sembilan.

Dalam tahun 1980, Negeri Sembilan telah menjadi tuan rumah kepada Musabaqah Al- Quran Peringkat Kebangsaan. Sebuah astaka berbentuk Minangkabau telah dibina. Memandangkan perbelanjaan membuat astaka berkenaan agak besar dan ia mempunyai identiti Negeri Sembilan, maka dalam satu Mesyuarat MTN dalam tahun 1981 diputuskan supaya astaka tersebut dibina semula di Labu Spur Seremban, diubahsuai dijadikan Pusat Kraftangan.

Memandangkan bahawa tempat bangunan Muzium kraftangan ini strategik maka difikirkan jika diadakan lain-lain 'centre of attraction', sudah tentu akan menarik lebih ramai pelancung. Maka diputuskan agar Muzium Negeri dan Rumah Hantu dipindahkan ke tempat yang sama. Untuk mengawasi pelaksanaan projek Muzium Pusat Kraftangan satu Jawatankuasa Pemandu Muzium dan Pusat Kraftangan Negeri Sembilan ditubuhkan dengan YB. Dato' Hajjah Khatimah sebagai Pengerusi.

Peruntukan

Sekarang ini di kawasan Labu Spur itu terdiri 3 buah bangunan iaitu Astaka Musabaqah untuk dijadikan Pusat Kraftangan, Rumah Hantu untuk dijadikan tempat pameran 'Minangkabau culture' dan Muzium Negeri. Dalam pada itu projek ini mengalami kekurangan peruntukan untuk diteruskan. Sebagai jalan keluar Yayasan Negeri Sembilan telah dikehendaki menyumbangkan peruntukan sebanyak RM350,000.

Dalam masa yang sama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mula memperkenalkan konsep Taman Seni Budaya iaitu satu kawasan untuk menempatkan secara tetap kegiatan kesenian di negeri

ini. Kerajaan Negeri tertarik kepada konsep ini dan bercadang untuk membina Taman ini sebagai perancangan jangka panjang.

Setelah mengkaji akan potensi Taman Seni Budaya dari segi menarik orang-orang ramai berkunjung Jawatankuasa Pemandu Muzium dan Pusat Kraftangan memutuskan untuk mengubahsuaikan dan membesarkan kawasan pembangunan di Labu Spur untuk dijadikan Taman Seni Budaya Negeri Sembilan. Keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada 12 April 1983.

Pada 16 Jun 1985 Jawatankuasa Pemandu Muzium dan Pusat Kraftangan ditukar menjadi Jawatankuasa Taman Seni Budaya yang mana membuat keputusan-keputusan yang meliputi Muzium Negeri, Pusat Kraftangan dan Taman Seni Budaya. Jawatankuasa ini memandangkan bahawa Yayasan telah pernah mengeluarkan RM350,000 untuk projek Taman Seni Budaya maka difikirkan Yayasan ini mampu membiayai pentadbiran/ pengurusan Taman Seni Budaya Negeri Sembilan. Kertas MMK Bil. 1468/83 telah disediakan dan berasaskan kertas kerja tersebut MMK memutuskan supaya pengurusan dan pentadbiran Taman Seni Budaya dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Taman Seni Budaya masih terus membuat keputusan mengenai Taman Seni Budaya.

Pada akhir 1983, Taman Seni Budaya Negeri Sembilan siap dengan memakan belanja RM1,047,000 (tidak termasuk perhiasan di dalam). RM677,000 ialah duit Kerajaan Negeri, RM350,000 dari Yayasan Negeri dan RM20,000 dari Majlis Perbandara Seremban. Dalam pada itu projek ini masih memerlukan peruntukan untuk membina rak-rak dan membuat partition erta membeli barang-barang pameran. Jawatankuasa Taman Seni Budaya telah memutuskan supaya Yayasan menyumbangkan RM55,000. Bakinya akan diperolehi dari peruntukan negeri. Memandangkan bahawa Yayasan tidak diberi kuasa sepenuhnya mengenai Taman Seni Budaya, maka pihak tersebut telah keberatan untuk terus menyumbangkan wang kepada projek.

Pada masa kini Taman Seni Budaya Negeri Sembilan diletak dibawah tadbir Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dengan mempunyai sebuah Lembaga Penasihat dan pengurusan Pentadbirannya sendiri.

Rujukan: sumber dokumentasi

BUDI PERANTAU

Jika pergi anak merantau
Mengambil air di hilir - hilir
Berkata merendah diri
tapi kalau dianjak orangbanda
sawah
diubah orang batu sepadan
dirubah orang harta pesaka
dianjak orang kata yang benar
busungkan dadamu wahai buyong
lihatkan tanda laki - laki
Jangan takut nyawa melayang
esa hilang dua terbilang
baru bernama anak lelaki
sebelum ajal berpantang mati
beribu sebab mendatang
namun mati hanya sekali
namun dalam kebenaran
walau dipancung leher putus
setapak jangan surut
kata kebenaran jangan dirubah.

-Mustika Adat-



SEJARAH PENEROKAAN LUAK JELEBU

(oleh DHARMALA N. S)

SUMBER LISAN

1.1 PERINGKAT awal penerokaan luak Jelevu ianya dikenali dengan nama Sungai Lumut. Peneroka-peneroka yang membuat penempatan di antara genting Langkap hingga ke hulu mendapati sungai tersebut banyak ditumbuhi lumut. Asal usul penerokaan luak Jelevu mengikut sumber sejarah lisan memang mempunyai unsur-unsur mitos.

1.2 Orang-orang Jakun, Semang dan Sakai menjadi peneroka terawal di luak yang dikenali dengan nama Sungai Lumut ini. Sumber lisan orang tua-tua menyebut nama Sungai Lumut ditukar kepada Jelevu berikutan sekumpulan orang Biduanda dari sungai Ujong di Batang Labu berpindah ke kawasan itu dengan membawa benih labu.

1.3 Disebabkan labu tersebut hidup subur mereka namakan tempat yang diteroka itu 'Jalar Labu', kemudiannya beransur-ansur bertukar kepada 'Jelevu'. Tetapi sumber yang lain pula seorang ketua (To' Batin) Orang Asli bernama Jelbu mati lemas ketika mandi di Sungai Teriang (ketika itu Sungai Lumut) selepas bekerja seharian dikebunnya.

1.4 Mayat Jelbu tidak ditemui selepas dihanyutkan oleh arus sungai. Bagi mengenang nama To' Batin itulah mereka menukar nama Sungai Lumut kepada Jelbu. Kemudiannya beransur-ansur pula disebut 'Jelevu'. Unsur-unsur mitos memang terdapat dalam mana-mana sumber lisan sejarah dunia. Dalam sumber lisan di Jelevu dicatatkan mengenai sejarah asal luak ini seperti berikut:

“.....Mengikut cerita mulut adalah asal-usul orang membuka negeri itu di Kuala Dulang. Tatkala sampai ke situ dua orang hamba Allah, seorang Pawang Besar dari Pahang dan seorang lagi Tukang Tili k yang bijaksana dari Pagar Ruyung bertemu satu rumpun buluh yang tebal.

Maka kata Si Pawang, 'Cubalah kita siasat akan halnya apa yang ada di dalam rumpun buluh ini'. Maka apabila ditebas tebang didapati oleh Si Pemilik di tengah-tengah rumpun ada satu tunggul buluh

separas pinggang tingginya. Di situ ada seorang perempuan menunggu mereka, dekatnya kelihatan sebuah dulang.

Kedua - dua pengembara berkenaan berbantah - bantah untuk mengahwini perempuan jelita itu. Mendengar pertengkaran itu lalu perempuan tersebut berkata, 'Hai, saudaraku berdua, sebenarnya kita ini sewaris dan bersaudara, maka dengan takdir Tuhan kita bertemu di sini pada saat yang baik'.

Kemudian dia menyambung, 'Beta tidak boleh berkahwin dengan saudara berdua. Nama beta ialah Puteri Bongsu, timang - timangan Puteri Penyayang anak raja berdarah putih, hitam tekak, bulu roma songsang. Saudaraku Dato' Hulubalang Misai Beruban dan Dato' Hitam bukalah negeri ini dan buatlah beta tempat kediaman di Kuala Dulang'.

Keramat

Maka lepas itu dia pun berkahwin dengan seorang Sultan. Tetapi dia tidak mengaku dirinya raja oleh sebab hendakkan pesakanya turun ke waris. Di Kuala Dulang mereka berundur dengan meninggalkan dua orang anak perempuan. Maka dengan sebab itu juga mereka jadi keramat Masjid Kuala Dulang hingga sekarang ini juga.

Oleh sebab hendakkan keturunan pemerintahannya turun kepada pewaris maka anak-anaknya sahaja ditinggalkan untuk meneroka Sungai Lumut, Peninjau dan Sarin. Mereka berdua dipercayai Moyang Angut dan Moyang Angsa pengasas luak Jelevu.....”

1.5 Dalam 'mentera' Jelevu (terombo) disebutkan salasilahnya bermula daripada Batin Terjali, Maharaja Alif dan Puteri Ambong Seri Alam. Mereka di katakan datang ke Jelevu seperti dicatatkan:

“..... Mudik Sungai Muar sampai ke Merbau Seratus, jejak menukik mendaki jejak menurun mendorong. Sembilan orang adik beradik lalu di tebang tebas hutan rimba, dibakar dan berhuma ditanam jagung, apabila masak dikutip dimasukkan ke

bahu bertalikan terap. Mereka menjelajah mengikut hala sebelah kanan Gunung Ledang keluar ke Johol lalu ke Semujong dan Jelevu seterusnya ke Rembau.

Di Jelevu mereka berkediaman di bukit-bukit dari Hulu Teriang ke Gunung Hantu iaitu tempat kediaman nenek moyang asal daripada zaman dahulu lagi. Mereka dikenali dengan panggilan Jakun (Biduanda). Apabila orang sudah ramai dilantiknya Batin ketuanya dan Jenang pembantunya mengurus hal puak-puaknya.....”

1.6 Batin Terjali yang datang ke Jelevu itu cucu kepada Mertang seorang ahli sihir terkenal yang berkahwin dengan adik perempuannya sendiri. Mereka mendapat seorang anak bernama To' Etah dan kemudiannya pergi ke Pagar Ruyung. To' Etah inilah mendapat anak lelaki bernama Batin Terjali yang kemudiannya datang semula ke Jelevu.

1.7 Rakannya Maharaja Alif pula mendapat seorang anak lelaki bernama Maharaja Bepang yang kemudiannya berkahwin dengan Puteri Lindung Bulan. Daripada keturunan mereka inilah meneroka negeri, sementara Maharaja Bepang pula berkahwin dengan anak raja Cina.

1.9 Dalam satu pertemuan di sebuah gunung, Batin Terjali dan Maharaja Alif bersetuju melantik Lambong Setia Raja menjadi Batin, sementara anak Maharaja Alif yang seorang lagi bernama Sah Alam Raja Sehari menjadi menterinya. Mereka diperintahkan turun dari gunung tersebut dengan diberi arahan supaya membuka negeri apabila bertemu sedulang nasi.

1.10 Selepas pertemuan itu Batin Terjali, Maharaja Alif, Puteri Ambung Seri Alam dan Porok tidak didengar lagi cerita mereka. Manakala Batin Lambong Setia Raja bersama Sah Alam Sehari turun dari gunung hingga sampai ke Bukit Buaiyan. Di situlah mereka bertemu sedulang nasi, lantas dinamakan tempat berkenaan Kuala Dulang.

1.11 Kemudian mereka terus membuka Hulu Teriang. setelah negeri terbuka dengan penduduk bertambah ramai, Batin Lambong setia Raja menukar namanya kepada Batin Maha Galang. Sempadan negeri yang dipersetujui oleh mereka ialah:-

Di antara Jelevu dan Johol ialah Leban Besi, Batu Berdinding Lantak dan Temiang Tumpat. Diantara Jelevu dengan Semujong ialah Semambu Serumpun dan Nibung Tengah Air Bukit Tangga.

Di antara Jelevu dan Kelang ialah Lebah Bergoyang, Pulau Bersela dan Genting Peras. Di antara Jelevu dan Pahang ialah Merbau Seratus, Meranti Sembilan dan Bukit Batu Bulan.

1.12 Setelah menetapkan sempadan negeri Batin Maha Galang melantik Jenang Singa Setia Raja menggantikannya sebagai Batin di Jelevu. Beliau kemudiannya menghilangkan diri. Selepas Singa Setia Raja menjadi Batin inilah pesaka tersebut diwariskan kepada perempuan iaitu Mayong Angsa. Bermula daripada Moyang Angsa inilah sejarah Jelevu dapat dikesan mengikut sumber lisan.


2. MANTERA (TEROMBO) BIDUANDA DI KENABOI

2.1 Sumber sejarah lisan Jelevu ini mempunyai persamaan dengan mantera (terombo) orang -orang Biduanda (Jakun) di Kenaboi. Dalam cetera Biduanda mantera Ulu Kenaboi menyebut penerokaan Jelevu dimulakan oleh Pak Galang sebagai Batin yang pertama. Beliau kemudiannya digantikan oleh anaknya yang juga bernama Galang.

2.2 Cucu Pak Galang bernama Can Galam Pak Asah pula memerintah di Kenaboi dan meneroka di Bukit Kundek. Seorang lagi cucu lelakinya bernama Tapak meneroka di Ulu Gelimau. Kemudiannya berlaku pergaduhan di kalangan puak-puak mereka, apabila Batin Dadun seorang ketua puak meneroka melampaui Meranti Sembilan di Pahang. Ketika itu Batin Bulu seorang lagi ketua puak memerintah bukit-bukit di Kenaboi sehingga Karak dan Temelong (Telemong) di Pahang.

2.3 Beberapa orang lagi ketua puak meneroka beberapa kawasan. Batin Timpo membuka Gelami, dan Batin Ranggong membuka Ulu Teriang termasuklah Lebah Bergoyang dan Bangkong Condong. Sementara Langkap pula dibawah pemerintahan Batin Pekung. Semua salasilah yang membabitkan ketua puak orang-orang Biduanda (Jakun) ini berkait rapat dengan Batin-batin peringkat awal di Negeri Sembilan.

2.4 Mengikut mantera (terombo) Orang Asli ini mencatatkan mengenai Batin Seri Alam yang memerintah negeri. Beliau mendapat anak bernama Batin Bercanggai Besi yang menjadi ketua di Sungai Ujong. Salasilah mereka dicatatkan begini:



PERJUMPAAN

2.5 Dalam mantera (terombo) Orang Asli di Kenaboi juga disebut mengenai perkembangan adat perpatih bermula dalam masa pemerintahan Batin Galang 11. Perjumpaan di antara Orang Asli dengan orang-orang Minangkabau telah diadakan di Bukit Gelanggang. Dalam perjumpaan itu diletakkan sesikat pisang dan kain sarung di sebelah, manakala di sebelah lagi daun setawar dan kulit terap.

2.6 Mereka diminta membuat pilihan di sebelah mana untuk duduk dalam perjumpaan tersebut. Orang-orang Biduanda perempuan kebanyakannya memilih duduk di sebelah pisang sesikat dan kain sarung yakni bersedia memeluk Islam dan menyertai orang Melayu (Minangkabau). Mereka yang berkeras memilih daun setawar dan kulit terap bererti mahu balik ke tempat asal mereka hidup di bukit-bukit.

2.7 Anak gadis Batin Galang bertunang dengan anak raja Melayu, dengan satu pejanjian dibuat di atas kulit jawak (biawak). Dalam masa bertunang itu mereka bertelagah apabila kulit jawak itu dimakan oleh anjing. Anak gadis Batin Galang balik semula kepada kaumnya dan menjadi ibu mantera Biduanda di Kenaboi hingga sekarang.

2.8 Sumber lisan yang diselubungi mitos ini adalah permulaan kepada pensejarahan luak Jelevu. Sekalipun fakta tarikhnya tidak disertakan tetapi perkembangan sejarah penerokaannya masih dapat dipegang. Salasilah Batin-batin pemerintah Orang Asli ini menepati seperti tulisan Nathans dan Wisntedt yang menyebut sejarah Negeri Sembilan dibahagikan kepada tiga period, iaitu:

1. Period permulaan pecahan empat negeri Sakai iaitu Sungai Ujong, Klang, Jelevu dan Johol.
2. Period kedua ialah peralihan dengan empat negeri Sakai kepada Sembilan Negeri Minangkabau di bawah naungan Johor.
3. Period ketiga, disamping empat negeri Sakai, sembilan negeri Minangkabau memerintah sendiri di bawah Yamtuan.

2.9 Luak Jelevu merupakan di antara empat negeri Sakai pada period pertama dan dianggap luak tertua di Negeri Sembilan. hubungan luak Jelevu dengan luak Sungai Ujong sejak Batin Seri Alam menunjukkan sejak kurun ke 13 lagi adalah sebahagian daripada Sungai Ujong.

2.10 Berdasarkan sejarah Jawa dan China, dalam beberapa catatan ahli pelayaran mereka, memang telah wujud sebuah negeri Sening Ujong di Semenanjung Tanah Melayu pada kurun ke 13 itu. Dalam 'Kartanigara' yang ditulis di Jawa di kurun ke 13 juga ada menyebutkan wujudnya kerajaan di Sening Ujong (Sungai Ujong).

2.11 Dalam catatan tersebut tidak pula disebut mengenai Jelevu, Klang dan Johol. 'Sejarah Melayu' yang ditulis oleh Tun Sri Lanang (Tun Muhammad) pada kurun ke 17 juga ada menyebut Sening Ujong (Sungai Ujong dan Klang) tetapi tidak pernah mencatatkan Jelevu dan Johol. Malah Tun Perak bendahara yang terkenal di Melaka pun pernah menjadi Penghulu di Klang.

2.12 Ada pun sumber sejarahnya ternyata luak Jelevu mula diteroka dengan penemuan Kuala Dulang. Hanya tokoh yang menemui Kuala Dulang itu sahaja yang berbeza dan cara penemuannya juga mempunyai unsur-unsur mitos. Tetapi kesimpulannya Kuala Dulang ialah tapak permulaan luak Jelevu dibuka.

3 MASJID KUALA DULANG

3.1 Pembinaan masjid Kuala Dulang sekitar kurun ke 18 menunjukkan Islam berkembang di Jelevu bersama kedatangan orang-orang Minangkabau. Pengembaraan Batin Lambong Setia Raja hingga menemui Kuala Dulang dicatatkan dalam terombo Jelevu begini:

".....Akan hal Batin Lambong Setia Raja dan Sah Alam Raja Sahari itu pun mengembara turun hingga sampai ke sebuah bukit bernama Bukit Buaiyan, di situ di sebelah bawahnya mereka dengan sedulang nasi menunggu mereka. Lalulah mereka pun makan setelah penat bekerja dan membuka tempat itu.

Tanda tempat itu lalu dinamakan Kuala Dulang sebab di kuala sebuah sungai di situ. Kuala dulang iaitu di sebelah bawah Bukit Buaiyan hingga ke hari ini dan di sini adalah dianggap keramat dan banyak hubungannya dengan luak Jelevu, dan di sini juga tempat mula perkembangan luak ini....."

3.2 Kedatangan Islam lebih awal ke Jelevu berdasarkan Undang Luak Jelevu pertama Dato' Moyang Salleh seorang tokoh beragama Islam sebelum tahun 1757 Masehi lagi. Ayahnya Dato' Mentunggang juga berasal dari Minangkabau dan beragama Islam. Datuknya Dato' Gombak yang datang dari Minangkabau kemudian berkahwin dengan neneknya Moyang Angsa, dipercayai permulaan kepada perkembangan Islam di luak Jelevu.

3.3 Hanya selepas dato' Moyang Salleh menjadi Penghulu di Jelevu, barulah masjid Kuala Dulang itu dibina. Hingga sekarang masih wujud lagi masjid Kuala Dulang terletak di pinggir sawah di tebing Sungai Kuala Klawang. Satu ketika dahulu penduduk-penduduk di Jelevu menjadikan masjid ini tempat membayar nazar.

Pembinaan masjid di masa lampau memang di tebing sungai menjadi pilihan utama, kerana memudahkan orang ramai mendapatkan sumber air bagi berwuduk. Pemilihan masjid Kuala Dulang dibina di tepi sungai bukanlah satu perkara asing.

3.4 Dengan luasnya sawah terbentang berhampiran masjid membuktikan bahawa kawasan tersebut menjadi tempat penerokaan utama. Sawah padi bukan sahaja perusahaan tanaman utama bagi petani-petani di masa lampau, malah kemahiran orang-orang Minangkabau yang meneroka adalah menumpukan kepada kegiatan perusahaan tanaman padi.

4 TO' JELONDONG

4.1 Tokoh terpenting dalam penerokaan luak Jelevu ialah To' Jelondong. Menurut salasilahnya To' Jelondong adalah anak perempuan Batin Seri Alam di Sungai Ujong. Beliau meneroka luak Jelevu dan menjadi To' Jenang (Pembantu To' Batin). Sumber lisan sejarah Jelevu Dato' Moyang Salleh memang tidak mempunyai fakta lengkap kecuali berdasarkan beberapa unsur mitos. Tetapi peranan To' Jelondong sebagai peneroka tidak dapat dicangah oleh mana-mana fakta sejarah sama ada secara lisan mahupun bertulis.

4.2 Dalam 'Papers on Malay Subjects' oleh Nathans dan Winstedt menyebut To' Jelondong yang meneroka di Jelevu ialah adik perempuan Batin Bercanggai Besi di Sungai Ujong. Mereka merupakan anak-anak Batin Seri Alam yang mudik Sungai Langat dan menemui tiga batang tunggul kayu lantas berjalan di tebing sungai berkenaan.

4.3 Anak perempuan Batin Bercanggai Besi bernama To' Dara Derani pindah ke satu tempat diberi nama Pengkalan Dian (sekarang ini dikenali sebagai Linggi). Sementara To' Jelondong pula berpindah ke Sungai Lumut mengikut suaminya. Siapakah suami To' Jelondong di Sungai Lumut itu.

4.4 Daripada sumber orang tua-tua, suami To' Jelondong inilah bernama Jelbu. Dalam satu kejadian tragis Jelbu yang mandi di Sungai Lumut (sekarang Sungai Teriang) selepas bekerja di kebunnya, mati lemas akibat dihanyutkan oleh arus deras. Mayatnya tidak ditemui selepas itu menyebabkan To' Jelondong

berpindah ke satu tempat di mukim Gelami Lemi sekarang.

NAMA JELBU

4.5 Sempena nama suami To' Jelondong yang mati lemas di sungai itulah nama Sungai Lumut ditukar kepada 'JELBU'. Lama kelamaan sebutan Jelbu itu akhirnya menjadi Jelevu. Berdasarkan cerita orang tua-tua ini fakta nama luak Jelevu diambil sempena nama suami To' Jelondong yang mati lemas itu lebih kukuh daripada sumber lain.

4.6 To' Jelondong adalah peneroka luak berkenaan di samping kedudukannya sebagai To' Jenang (Pembantu To' Batin) di Sungai Lumut. Beliau juga mempunyai kaitan dengan Batin Seri Alam yang berkuasa di Hulu Langat dan Sungai Ujong. Sudah tentulah kedudukannya dihormati oleh penduduk-penduduk di luak tersebut.

4.7 Setiap keputusan To' Jelondong memang diterima dengan mendapat sokongan penuh. Demikianlah apabila beliau mahu menukar nama Sungai Lumut itu kepada Jelbu mengambil sempena nama suaminya yang dikasihi, tentu tidak dibantah oleh pengikut-pengikutnya.

4.8 Sumber lisan li luak Jelevu juga menyebut To' Jelondong ini dikenali sebagai MOYANG KABAN dan dianggap keramat yang dihormati di sekitar Gelami Lemi dan Ulu Gepau. Sekalipun melalui cerita mitos, mereka di Jelevu percaya keramat Moyang Kaban ini seringkali menjelma menjadi gajah putih. Kenapa dikaitkan dengan gajah putih. Sudah tentu ianya melambangkan penghormatan yang tinggi kepada tokoh berkenaan.

4.9 To' Jelondong memang dihormati oleh penduduk-penduduk di Jelevu sehingga dianggap keramat Moyang Kaban yang berkuasa disekitar Gelami Lemi dan Ulu Gepau. Hingga sekarang kekal nama sebuah perkampungan mengambil sempena nama To' Jelondong iaitu JELONDONG terletak di mukim Gelami Lemi.

4.10 Jelondong juga bukanlah nama kampung yang didiami orang satu ketika dulu, tetapi kawasan hutan yang dipenuhi pokok-pokok kayu. Hanya sekitar tahun 1970-an kawasan hutan Jelondong dibangunkan menjadi tanah rancangan felda. Hutan Jelondong yang terletak di antara pekan Titi dan Kampung Sepri, pernah mencatatkan sejarah hitam dalam peristiwa darurat di Malaysia.

lihat m.s 16

MUSTIKA ADAT

KEADAAN SOSIAL

Budi pekerti yang halus, tinggi dan luhur mendapat tempat utama dalam adat perpatih. Salah satu syarat yang diperlukan oleh adat itu ialah yang bermutu tinggi dan berakhlak mulia.

Budi adalah "dapat merasakan ke dalam diri apa yang dirasakan oleh orang lain" yang mendorong seseorang berbuat baik terhadap sesama mereka.

Budi adalah berdasarkan kesanggupan merasakan perasaan orang lain yang dapat dirasakan bagi diri sendiri kerana menurut adat yang disebut "rasa" adalah yang terasa bagi diri, perasa (perasaan) adalah yang terkandung di dalam hati dengan demikian lahirlah rasa seperti kata adat.

"Nan elok dek awak ketuju dek orang, sakit dek awak sakit dek orang."

Oleh yang demikian lahirlah pada seseorang rasa kasih dan sayang, sopan dan santun sesama mereka. Kesengsaraan dan serba kekurangan secara spontan dapat dirasakan oleh seseorang. Maka ujudlah kata pepatah:

Berat sama dipikul
ringan sama dijinjing
Nan lemah sama disokong
Nan condong sama ditungkek
Nan rusuh sama dipujuk
Nan senteng sama dibilai
Nan sakit sama dijanguk
Nan elok sama di imbaukan
Nan buruk sama dihamburkan
Nan ada sama dimakan
Nan tidak sama dicari
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicicah
Mendapek sama berlaba
Nan hilang sama berugi.

Di Minangkabau

Di Minangkabau, keadilan sosial dengan pengertian yang luas telah lama dan amat luas penyelenggaraannya. Sebagai contoh dapat dilihat dari kehidupan sehari-hari, seperti rumah gadang, rangkiang (kepuk padi) yang berderet di halaman rumah mereka sebagai semboyan hidup dan lambang sosial ekonomi mereka, seperti kata pepatah:

Rumah gadang sembilan ruang
lumbuang beririek di halamannya
Sebuah banamo si bayau-bayau
panenggang anak dagang lalu
sebuah banamo sitinjau lauik
panenggang koroang jo kampuang
sabuah banamo lumbuang baperoang
makanan anak kemenakan.

Keadilan sosial telah dilaksanakan secara luas di dalam adat Minangkabau yang melahirkan sifat tolong menolong, saling membantu, yang terlepas dari perhitungan laba dan rugi kerana masyarakatnya dihubungkan oleh tali kekeluargaan yang kuat dan kukuh. Sentiasa menghayati budi luhur dan halus. Dari budi inilah lahirnya sifat baik, harmoni dan berbagai bentuk sifat sosial dalam kehidupan - Pengarang.

*Rujukan - Rangkaian Mustika Adat
Bersandi syarak Di Minangkabau.
Oleh: H. Idrus Hakimy.*

PEMIMPIN

*Kayu beringin di tengah padang
yang berpucuk benar - benar bulat
yang berakar benar - benar tunggang
daun rimbun tempat berlindung
batangnya besar tempat bersandar
akarnya kuat tempat bersela
dahannya tempat bergantung
yang tinggi tampak jauh
yang dekat mula bertemu*

RAJA MELEWAR: SUATU CERITA LISAN DARI REMBAU

oleh
(Norhalim Hj. Ibrahim)

PENGENALAN

Dari segi sejarah Raja Melewar adalah Yamtuan (Yang Dipertuan) Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang pertama. Beliau adalah seorang keturunan diraja Minangkabau yang telah dijemput oleh Penghulu- penghulu Luak Negeri Sembilan.

Keputusan menjemput raja daripada Minangkabau ini adalah Penghulu Luak Rembau (Sheppard, 1965:13). Prnghulu-penghulu lain yang terlibat adalah Penghulu Luak Jelevu dan Penghulu Luak Naning. Penghulu-penghulu Luak sungai Ujong yang dipengaruhi Bugis pada ketika itu dan Luak Johol yang ketika masih berpecah belah (Sheppard, 1965:14). menentang kedatangan Raja Melewar itu.

Penghulu daripada tiga Luak yang tersebut di atas tadi telah mengutus tujuh orang wakil menemui Yang Dipertuan Raja Alam Minangkabau memohon seorang anak raja untuk didaulatkan sebagai lambang 'keadilan' di rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Wakil-wakil yang diutus itu adalah diketuai oleh dua orang pemimpin iaitu Datuk Panglima Bandar dan Datuk Panglima Bando. Ahli-ahli rombongan perwakilan yang lain terdiri daripada Datuk Johan, Datuk Andatar, Datuk Laksamana, Datuk Panglima Sutan dan Datuk Panglima Raja (Lister, 1887,41)

Permohonan ketua-ketua Luak Negeri Sembilan itu telah diperkenankan oleh Yang Dipertuan Pagarruyung. Baginda berjanji akan melantik seorang anak raja untuk memenuhi permohonan tersebut tetapi calon itu tidak mungkin dapat pergi bersama dengan rombongan perwakilan itu semasa mereka balik ke Negeri Sembilan. Baginda harus melakukan pemilihan dan mengadakan persiapan-persiapan tertentu guna menitiskan 'daulat' dan 'kebesaran' kepada bakal simbol 'keadilan' di rantau Negeri Sembilan. Selepas mendapat titah janji itu, rombongan perwakilan Negeri Sembilan itu telah balik untuk menyampaikan keputusan berkenaan kepada Penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan dn sekaligus membuat persiapan yang sesuai untuk menyambut kedatangan bakal Yamtuan itu.

Sebagaimana titah janji, Yang DiPertuan Pagarruyung telah mengutus Raja Melewar. Mengikut sumber-sumber Belanda Rja Melewar telah berada Rembau pada tahun 1727 dan dikenali sebagai

'pemerintah'. Rembau (Andaya, 1975:310-311). Besar kemungkinan di antara tahun tersebut 1727 sehingga tahun 1773 Rembau adalah menjadi pusat pentadbiran Negeri Sembilan. Kali pertama nama 'Negeri Sembilan' itu disebutkan secara rasmi adalah dikaitkan dengan Luak Rembau. Menurut tulisan Winstedt, Perjanjian bertarikh 11 November 1759 adalah ditandatangani oleh ketua-ketua Rembau dan Negeri Sembilannya (Rembau and its nine countries). Raja Muda Daing Kemboja dari Linggi dan Raja Tua Kelang di satu pihak dan David Buten, Gabenor Belanda di Melaka dipihak yang lain (Winstedt, 1934:57).

Raja Melewar, setelah berjaya 'menghapuskan' musuh-musuh politiknya seperti Raja Khatib atau Raja Katik (Rasjid Manggis, 1970:89), seorang pembesar daripada Pagarruyung, yang juga ingin menjadi Yamtuan; serta dapat mempengaruhi Penghulu-penghulu Luak lain, terutamanya Penghulu Luak Sugai Ujong dan Penghulu Luak Ulu Muar, telah dinobatkan menjadi Yamtuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1773. Oleh sebab Raja Melewar telah berada di Rembau, dan Penghulu Luak Rembau yang menjadi perancang utama membawanya ke Negeri Sembilan, maka upacara pertabalan itu telah diadakan di Penajis, Rembau.

Pada jangka masa tahun-tahun dalam persoalan ini (sekurang-kurangnya antara 1725 dengan 1773) mengikut Djafri Yang Dipertuan Raja Alam Minangkabau ialah Yang Dipertuan Patah Sultan Abdul Jalil yang memerintah antara tahun 1719 sehingga 1780 (1983:50;67), Tetapi jikalau mengikut Rasjid Manggis pula, di antara dua tarikh yang dipersoalkan itu Pagarruyung mempunyai dua orang Yang Dipertuan iaitu Raja Muningsyah 11 (1720-1770) dan raja Muningsyah 111 (1770-1819) (Rasjid Manggis, 1982:89). Untuk perbincangan kita setakat ini, siapa yang menjadi Yang Dipertuan Pagarruyung tidak menimbulkan persoalan lagi. Apa yang pasti ialah pada ketika tersebut Raja Alam di Pagarruyung bergelar Raja Muningsyah.

Persoalan berikut yang harus dicari jawapan ialah siapakah sebenarnya Raja Melewar itu. Yang pasti ialah baginda adalah seorang kerabat diraja Pagarruyung. Tetapi, bagaimana kaitannya dengan istana Pagarruyung : adakah baginda itu putra kepada Tuanku Raja Alam Muningsyah 1 atau 111 atau salah seorang kerabat baginda.

Djafri dalam penulisannya, semasa menyentuh mengenai Raja Melewar telah melaporkan bahawa “(Tuanku Raja Alam Muningsyah 1 telah) mengirim orang kraton menjadi raja yang dijemput oleh rantau Minangkabau, Minangkabau Negeri Sembilan. “(1983:50; penekanan adalah oleh penulis). Istilah orang kraton atau orang istana dalam petikan ini agak umum maksudnya. Ia mungkin bermakna salah seorang kerabat diraja dan mungkin juga bererti orang besar utama yang ada perhubungan darah, tetapi telah agak jauh, dengan Yang Dipertuan Raja Alam. Namun dalam penulisan Djafri berikutnya, beliau telah lebih spesifik. Djafri tidak lagi menggunakan istilah orang krato tetapi anak-anak raja. Katanya : (Tuanku Raja Alam Muningsyah 1 telah) melakukan seleksi batin yang hebat terhadap anak-anak raja yang akan dikirim ke rantau Minangkabau Pengiriman Raja Melewar ke Negeri Sembilan adalah semasa pemerintahan Tuanku Raja Alam Muningsyah 1 ini” (1992:67; penekanan adalah oleh saya), Penulisan Djafri yang terkemudian ini dengan jelas mengakui tentang kedirajaan darah Raja Melewar tetapi beliau masih tidak pasti sama ada baginda itu Putra Tuanku Raja Alam Muningsyah 1 sendiri ataupun kemenakannya!

Rasjid Manggis, semasa menulis mengenai kaitan Negeri Sembilan dengan Minangkabau, berkata,

“.....sehingga entah berapa lamanya sampailah (rombongan perwakilan Negeri Sembilan) di Pagarruyung lalu menghadap Raja Alam menyebarkan hasrat penduduk Negeri Sembilan. Raja Alam Minangkabau Seri Maharaja Diraja Sultan Muningsyah 1 memperkenalkan permohonan Utusan itu dan atas pilihan bersama dengan Tuan Makhudum Sumanik akan dihantar seorang putera raja bernama Raja Mahmud” (1970:89; penekanan adalah oleh saya).

SUMBER KENYATAAN

Dari petikan ini ada dua perkara yang harus diambil perhatian. Pertama: Nama Yang Dipertuan Minangkabau I. Ini agak selari dengan kenyataan Djafri. Tetapi mengikut Rasjid Manggis dalam penulisannya yang lain, Sultan ini memerintah antara tahun 1680 hingga 1720 (1982:89). Berkaitan dengan ini, mengikut Belanda, pada tahun 1722, di Rembau telah sedia ada seorang anak raja Minangkabau (Wilkinson, 1911:19). Pada tahun tersebut telah menyediakan satu angkatan tentera yang terdiri dari orang-orang Rembau untuk membantu mengeluarkan orang-orang Bugis daripada Johor. Oleh

sebab anak raja itu telah agak lama berada di situ. Justeru itu, kalaulah tarikh pemerintahan Sultan Muningsyah 1 yang diberikan oleh Rasjid Manggis itu benar, berkemungkinan besar utusan Negeri Sembilan itu telah bertemu Yang Dipertuan Pagarruyung pada sekitar tahun 1720 iaitu beberapa waktu sebelum baginda mangkat. Tetapi anak raja yang berada di Rembau pada berkenaan bukannya Raja Mahmud (Alias Raja Melewar) tetapi Raja Kasah. Raja Kasah ini, oleh sebab berlaku perselisihan faham dengan Penghulu-penghulu Negeri Sembilan tidak pernah dinobatkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan, sebaliknya ia telah dihalau balik ke Minangkabau (Buyung Adil, 1952: 172).

Faktor kedua yang harus diambil perhatian ialah mengenai kata-kata: seorang putera raja. Dengan menggunakan istilah putera raja dan bukan putera Sultan atau putera Yang Dipertuan membawa implikasi Raja Mahmud bukannya putera kepada Tuanku Raja Alam Muningsyah 1, melainkan kemenakannya.

Rasjid Manggis telah merubah pendiriannya dalam penulisannya yang berikut, di mana secara tegas beliau berkata, “Yang mula-mula berdaulat (sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan) ialah Raja Melewar (1773-1795) putera Daulat Yang Dipertuan Sultan Muningsyah 111 “ (1982:103). Sultan Muningsyah 111 ini memerintah antara tahun 1770 hingga 1819 dan kalau mengikut Djafri antara tahun 1798 hingga 1803 (1992:68). Berdasarkan tarikh pemerintahannya besar kemungkinan yang Sultan Muningsyah 111 ini se generasi dengan Raja Melewar, malahan dapat dikatakan Raja Melewar adalah lebih tua daripada Sultan Muningsyah 111 seperti yang dilaporkan oleh Rasjid Manggis.

Semasa membicarakan persoalan yang sama, Samad Idris telah mencatatkan bahawa “Sultan Abdul Jalil Pagarruyung telah memperkenalkan menghantar seorang dari puteranya ke Negeri Sembilan (1968:12, 1968:22). Pendapat beliau ini selari dengan penemuan Rasjid Manggis (1982) mengenai perhubungan darah antara Raja Melewar dengan Yang Dipertuan Pagarruyung, iaitu anak dan ayah; tetapi bercanggah mengenai siapa si ayah. Samad Idris menyebut Sultan Abdul Jalil dan Rasjid Manggis pula mengatakan Sultan Muningsyah 111.

Yang menjadikan masalah di sini ialah nama Sultan Muningsyah. Nama ini adalah merupakan gelaran Yang Dipertuan sahaja. Dalam kes ini, yang pertama sekali mengelirukan ialah Samad Idris memberikan nama batang tubuh, sedangkan Rasjid

Manggis memberi gelaran. Sultan Abdul Jalil apabila dinobatkan menjadi Yang Dipertuan telah juga diberi gelaran Tuanku Raja Alam Minangkabau. Bagindalah Yang Dipertuan Minangkabau yang menyandang gelaran itu. Justeru itu dalam catitan pensejarahan disebut Sultan Muningsyah 1. Sebaliknya pula, nama sebenar Sultan Muningsyah 111, mengikut catitan Djfri adalah Yang Dipertuan Bawang (1983:50;1992:68). Selanjutnya, jikalau sedemikian kedudukannya, jarak masa pemerintahan antara dua orang Yang Dipertuan ini, kalau mengikut tarikh Djafri adalah 18 tahun dan mengikut tarikh Rasjid Manggis adalah 20 tahun. Jelaslah disini bahawa kedua-dua pendapat ini tidak menyebut orang yang sama. Berdasarkan fakta-fakta yang ada, antara kedua pendapat ini, andaian Samad Idris, iaitu Raja Melewar anak Sultan Abdul Jalil Alias Sultan Muningsyah 1, mungkin ada kebenarannya.

Namun, Samad Idris sendiri masih meragui kemungkinan kebenaran andaianya itu!. Dalam penulisannya yang berikut (1987), yang pada pendapat saya adalah penyusunan semula dengan tokok tambah bahan kepada penulisannya yang terawal (1961), beliau tidak lagi menyebut siapa dia ayah Raja Melewar itu. Katanya, ".....maka Raja Pgarruyung pun menghantar Raja Melewar atau nama sebenarnya Raja Mahmud untuk dirajakan. (1987:39)". Petikan ini jelas menunjukkan ketidakpastian penulis tentang siapa ayah Raja Melewar!. Mengapa Samad Idris menghilangkan fakta yang telah diutarakan dalam sekurang-kurangnya dua penerbitan terawal (1961 dan 1968) itu tidak dapat dipastikan. Sedangkan penerbitan yang terkemudian itu (1987) adalah lebih mutahir dari yang sebelumnya!.

Selain dari pendapat-pendapat yang disebutkan di atas serta pendapat-pendapat lain yang selari dan sealiran, terdapat satu lagi penulisan, juga mengenai Raja Melewar. Penulis yang dimaksudkan di sini ialah Josselin de Jong. Dalam membicarakan mengenai kemunculan dinasti Diraja Sri Menanti, beliau telah menyarankan bahawa ada kemungkinan yang Raja Melewar itu adalah berasal dari keturunan Bugis (1975:277-308).

Faktor utama yang membuatkan beliau berkesimpulan demikian ialah nama Melewar itu. Pada Josselin de Jong, istilah Melewar itu adalah nama bagi orang Bugis, dan diasosiasikannya dengan nama seperti Daing Merewa(n). Orang Minangkabau tidak mempunyai nama seperti itu.

Dalam hal ini, apa yang kurang jelas kepada Josselin de Jong ialah nama tubuh Raja Melewar itu adalah Raja Mahmud. Melewar itu hanya gelaran atau nama panggilan baginda yang diberikan mungkin oleh

Penghulu-penghulu Luak Negeri Sembilan akibat dari perjalanannya untuk tiba ke Negeri Sembilan (Rembau) daripada Minangkabau. Dalam loghat Negeri Sembilan melewar, melawa bermaksud perbuatan merayau, singgah menyinggah, dan memperagakan diri di beberapa tempat. Dalam bahasa Minangkabau pula lewa (r)-melewa bererti menyemboyankan atau memberitahu sesuatu hal kepada orang banyak dengan mulut atau dengan canang (Thaib, 1935:139).

Apa yang telah dilakukan oleh Raja Mahmud dalam perjalanannya dari Pagarruyung ke Negeri Sembilan sehingga beliau digelarkan Raja Melewa. Dari pengertian di atas, kata melewar itu memberi penekanan ke atas dua perbuatan iaitu 'singgah menyinggah' dan 'memberitahu'.

KENYATAAN SEJARAH

Catitan sejarah Negeri Sembilan menyatakan bahawa Raja Melewar datang ke Negeri Sembilan membawa beberapa adat kebesaran. Antara yang penting adalah bekalan rambut sehelai sebatil (yang sehingga sekarang masih tersimpan di Istana Sri Menanti, Negeri Sembilan) dan surat watikah. Sebelum Raja Melewar dibekalkan dengan rambut keramat tersebut, beliau dipercayai harus menjalani ujian lahir dan batin di batu ujian - Batu Kasur - yang terletak di Gudam (Djafri, 1992:67). Selepas lulus ujian tersebut barulah beliau diberi surat watikah untuk dibawa sebagai bukti ke Negeri Sembilan.

Surat watikah ini adalah merupakan satu dokumen yang harus dibawa oleh setiap anak raja Minangkabau yang bakal dilantik menjadi Yamtuan Negeri Sembilan. Pada hemat saya, pembawaan dokumen inilah yang membuatkan timbul gelaran Melewar tersebut. Setakat yang dicatitkan dalam penulisan sejarah Negeri Sembilan Raja Melewar telah pergi ke Siak, Johor, dan Melaka sebelum menghadirkan diri di Negeri Sembilan. Namun kalau isi kandung watikah yang dibawa oleh Raja Labu (Laboh) dalam tahun 1826, maka negeri-negeri yang dilalui (singgah menyinggah) itu lebih dari Siak, Johor dan Melaka. (Raja Labu, Laboh) adalah anak raja terakhir yang didatangkan dari Pagarruyung (Newbold, 1939:81) tetapi oleh sebab berlaku konflik dengan pembesar-pembesar Negeri Sembilan beliau tidak jadi dilantik menjadi Yamtuan. Sebaliknya beliau telah dihalau balik ke Sumatera dalam tahun 1832 (Norhalim Hj. Ibrahim, 1978:28).

Berdasarkan cop mohor yang ada pada watikah tersebut, negeri-negeri yang telah dilalui oleh Raja Labu (Laboh) dan mungkin juga oleh raja Melewar, jikalau

sama, adalah Palembang, Jambi, Indragiri, Sungai Paku-Bandar Sepuluh, Indrapura, Pariaman, Aceh dan Siak (Newbold, 1939: 82-83). Tujuan mengunjungi (singgah menyinggah) negeri-negeri tersebut adalah untuk mendapat cop mohor raja-raja atau sultan-sultan berkenaan, untuk memberitahu akan perlantikannya sebagai bakal Yamtuan Negeri Sembilan (hal yang hendak diberitahu atau disemboyankan) serta pengiktirafan dan perestuan mereka yang berkenaan. Perbuatan Raja Mahmud singgah menyinggah di negeri-negeri tersebut dan memberitahu sultan-sultan berkenaan, yang sudah tentu memakan masa yang lama, mengenai pencalonannya telah membuatkan Pembesar-pembesar Negeri Sembilan menggelarkan Raja Mahmud, Raja Melawa - raja yang suka melewa atau melawa. Tegasnya Raja Melewar itu bukannya nama yang ada kait-mengait dengan nama ala Bugis tetapi adalah gelaran yang diberikan akibat perbuatan Raja Mahmud semasa perjalanan antara Pagarruyung dan Negeri Sembilan.

Dari huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa Raja Melewar atau Raja Mahmud itu adalah anak raja dari Minangkabau, dan didatangkan langsung daripada Pagarruyung. Beliau bukan anak raja Bugis. Siapakah ayahnya yang sebenar, setakat ini sejarah masih kabur. Walaupun ada pensejarah yang cuba memastikan seperti Samad Idris, namun beliau sendiri masih menunjukkan keraguan mengenai andaian itu. Jika kita meneliti puncak sistem politik Minangkabau (institusi Raja Tiga Sela - Raja Alam (Yang Dipertuan), Raja Adat dan Raja Ibadat) khususnya sistem kekeluargaan diraja tersebut, Raja Melewar itu, seandainya bukan putera Raja Alam, Yang Dipertuan yang memerintah, beliau mungkin putera salah seorang dari Raja Dua Sela (Raja Adat dan Raja Ibadat). Ketiga-tiga orang raja ini mempunyai pertalian darah antara satu sama lain-berkemenakan. Malahan, ada masanya Besar Empat Balai (Bandara di Sungai Tarab, Andomo di Saruaso, Mangkudum di Sumanik, dan Tuan Kadi di Padang Ganting; mereka adalah pembesar yang membantu raja memerintah), seperti di zaman pemerintahan Yang Dipertuan Bakilap Alam Raja Bagewang 1 (1550 -1616), anak-anaknya telah dijadikan Besar Empat Balai (Djafri, 1983:49; 1992:67). Pendek kata Raja Melewar atau Raja Mahmud itu adalah keturunan diraja Pagarruyung.

Semasa di Negeri Sembilan, Raja Melewar telah beristerikan Cik Seni anak Penghulu Naam, Luak Ulu Muar. Beliau telah dikurniakan dua orang anak, seorang lelaki bernama Raja Totok dan seorang lagi perempuan, bernama Raja Aishah. Raja Melewar telah mengkat pada tahun 1795 di Sri Menanti.

TRADISI LISAN DI NEGERI SEMBILAN

Istilah 'tradisi lisan' boleh didefinisikan sebagai testimoni-testimoni atau bukti-bukti mengenai masa lampau yang diturunkan secara sengaja melalui mulut. Testimoni-testimoni ini adalah berlainan dari khabar angin yang selalunya membawa 'cerita' berciri sensasi dan yang tidak disampaikan dan diturunkan secara sengaja dari generasi ke generasi dengan cara yang sama. Laporan-laporan saksi-saksi atau testimoni-prota, oleh sebab tidak berlaku proses penurunan dalam penyampaian, bukan tradisi lisan. Sifat dan proses penyampaian dan penurunan dari saksi asal secara khabar angin melalui suatu ciri saksi-saksi atau penutur-penutur, sehingga ke hari ini, adalah dua ciri penting tradisi lisan.

Berdasarkan bukti sejarah, tradisi lisan yang boleh digunakan sebagai bahan dalam pengkajian sejarah Negeri Sembilan dapat dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu Naratif atau Cerita Sejarah, Perbilangan dan Tradisi Diterima.

1. Naratif Sejarah mengandungi cerita-cerita yang hampir mencapai taraf suatu penulisan sejarah atau kesusasteraan. Cerita-cerita tersebut dilafazkan dan dituturkan semula kata demi kata tanpa sebarang ubahsuai. Ianya adalah seolah-olah sebuah karangan yang telah disusun oleh seorang pengarang pada masa lampau. Oleh sebab bahan yang disampaikan dan yang diturunkan dikawal sedemikian rupa, naratif sejarah ini mempunyai banyak ciri laporan sejarah sekunder yang dianggap sebagai bahan utama kerana hanya sumber asalnya telah hilang.

Tradisi naratif sejarah ini, jika dikaitkan dengan struktur masyarakat Negeri Sembilan, mungkin boleh dikelaskan sebagai sejarah suku, kampung dan sejarah keluarga atau sejarah diraja. Sejarah suku menceritakan sejarah penghijrahan orang-orang Minangkabau dan pembentukan Luak-luak di Negeri Sembilan. Sejarah kampung dan keluarga mengesahkan asal usul kampung dan keluarga atau keluarga-keluarga yang menerokanya. Tradisi ini juga menghuraikan bagaimana sesuatu suku itu tersebar dan berkembang ke Luak-luak di Negeri Sembilan dan perpecahannya, menjadi kelompok-kelompok yang lebih kecil. Sejarah diraja pula memperlihatkan perkembangan serta bagaimana institusi tersebut dinilai melalui perjalanan masa.

Sumber dari kategori ini bukan sahaja memelihara sejarah tetapi seringkali digunakan sebagai dasar untuk membuat keputusan yang dianggap sah. Tradisi naratif sejarah telah digunakan, misalnya, dalam kes untuk menyelesaikan pertelingkahan melantik Undang Luak Jelevu yang baru dalam tahun 1980.

2. Perbilangan adalah tradisi lisan yang khusus

kepada wilayah adat Negeri Sembilan dan Naning sahaja. Ianya adalah bahasa berirama dalam bentuk puisi bebas, yang mengandungi rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang apabila dituturkan atau disampaikan disebut lepas satu, satu seperti orang membilang. Kepada ahli masyarakat wilayah adat, perbilangan mengandungi undang-undang adat. Selain daripada Undang-undang, perbilangan mengandungi cerita sejarah. Dengan kata-kata lain, ada perbilangan yang boleh dikategorikan sebagai tradisi lisan dari kategori naratif sejarah.

Perbilangan dan naratif sejarah dalam tradisi lisan Negeri Sembilan dan Naning di Melaka dikenali sebagai terombo.

Di antara tradisi lisan wilayah adat, perbilangan merupakan sumber sejarah yang tulen dan boleh dipercayai. Namun, ia juga merupakan bahan yang paling sukar untuk ditafsirkan terutama oleh orang daripada luar wilayah adat kerana perbilangan itu adalah dalam bahasa daerah atau dialek yang berbeza dari Bahasa Malaysia standard. Selanjutnya sebelum perbilangan ini dapat digunakan secara berkesan sebagai sumber, pengkaji harus memahami terlebih dahulu istilah-istilah simbolik yang terdapat di dalam perbilangan tersebut, sistem pengelompokan sosio-politik masyarakat adat, sistem keturunan nisab ibu yang diamalkan dan sistem Adat Perpatih itu sebagai suatu keseluruhan. Selepas mengatasi masalah-masalah ini baru mungkin tradisi lisan kategori perbilangan ini dapat dimanfaatkan dalam penyelidikan.

3. Kategori terakhir lisan Negeri Sembilan ialah Tradisi yang Diterima. Tradisi ini juga memberikan satu set masalah kepada sejarawan. Sumber ini mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan masa yang melampaui daya ingatan orang yang masih hidup. Kisah-kisah tersebut diturunkan dari generasi ke generasi dan 'diterima' oleh generasi berikut tanpa persoalan. Kerana sifatnya yang demikian ini tradisi ini diistilahkan sebagai "diterima".

Tradisi yang diterima ini berbeza dua kategori di atas kerana walaupun idea dan informasi dasar dikekalkan dan sama seperti yang terdapat pula cerita generasi awal tetapi telah ditokok tambah, dan kata-kata serta struktur ceritanya telah diubah. Dengan kata-kata lain, tidak ada kawalan atau ketetapan dalam penyampaiannya. Penceritaan semula kepada generasi tertentu dilakukan secara bebas. Sedikit sebanyak sumber ini telah diputar belitkan. Justeru itu, setiap pencerita akan menyampaikan versinya sendiri.

Akibatnya dari faktor-faktor di atas tradisi lisan jenis ini mempunyai ciri-ciri folklore atau budaya rakyat

dan dengan itu dipersoalkan kegunaannya sebagai bahan sejarah. Folklore, yang juga bersifat lisan dan tradisi, wujud atas tujuan lain. Ianya fungsional dan 'prelogikal'. Namun, sebilangan ahli-ahli etnografi dan folklore mengakui bahawa tradisi lisan dari kategori ini boleh digunakan sebagai keterangan sejarah dengan syarat ia digunakan secara bijak atau berdiskriminasi, dan bukan sumber satu-satunya. Ia harus disokong tambah oleh bahan-bahan etnografi dan arkeologi, serta bahan-bahan tulisan lain.

Walaupun terdapat kelemahan dalam ketiga-tiga kategori tradisi lisan ini, peranannya sebagai sumber sejarah dalam mengkaji sejarah Negeri Sembilan tidak harus diketepikan begitu sahaja. Penggunaan sumber-sumber ini akan membolehkan sejarawan menulis sejarah penghijrahan orang Minangkabau, asal-usul kampung dan suku, 'institusi-institusi tradisi dan evolusi sosial, politik dan ekonomi Negeri Sembilan'. Topik-topik ini mungkin akan difahami dengan lebih jelas jikalau dokumentasi tertulis sejarah Negeri Sembilan yang ada sekarang ditambah dengan kajian tradisinya.

Sejarah Negeri Sembilan tidak dapat difahami secara penuh hanya atas dasar sumber-sumber bertulis sahaja; tetapi harus dilengkapi dengan tradisi lisan - naratif sejarah dan perbilangannya, terutamanya. Kadangkala tradisi lisan boleh memberikan pensejarahan yang terperinci dari sumber tulisan. Tradisi lisan kategori ketiga (tradisi yang diterima) mungkin tidak seberguna dokumen bertulis, tetapi ia perlu juga diberi perhatian. Kegunaannya banyak bergantung kepada keadaan sumber tersebut, penerangannya, darjah pemalsuannya dan kelemahan serta kekurangannya.

CERITA LISAN DARI REMBAU

Negeri Sembilan asli ialah sembilan kawasan : (1) Rembau, (2) Sungai Ujong, (3) Jelebu, (4) Johol, (5) Inas, (6) Naning, (7) Ulu Muar, (8) Jempol, (9) Kelang.

Kemudian muafakat melantik empat orang ketua (keturunan orang bukit, orang asli). Pada masa itu yang ada orang asli ialah empat kawasan iaitu (1) Rembau, (2) Sungai Ujong, (3) Jelebu, (4) Johol. Sembilan kawasan bersetuju melantik ketua kumpulan kepada empat kawasan ini. Yang lain tertakluk kepada yang empat ini.

Kemudian bermesyuarat empat kumpulan ini untuk mencari raja sebab kita tidak ada raja. Jadi semua rakyat bersetuju.

Kemudian diundanglah ketua yang empat ini untuk mencari raja. Kemana yang hendak tuju iaitu ke Pagarruyung untuk mendapat seorang raja. Apakala

sampai ke Pagarruyung berundinglah ketua yang empat ini. Siapakah yang masuk dahulu. Dapatlah keputusan. Sungai Ujong yang pertama. Maka naiklah ketua Sungai Ujong menghadap Sultan Pagarruyung meminta seorang raja untuk memerintah di Negeri Sembilan.

Kemudian Sultan bersetuju memberi seorang raja. Kemudian diberinyalah seorang. Maka dibawalah balik ke Negeri Sembilan. Sampai saja di sini dinaikkanlah ketakhta kerajaan. Belum sempat duduk, orang itu pun mati.

Kemudian mesyuarat balik untuk mencari seorang lagi. Maka berlayar Undang yang empat ke Pagarruyung, untuk meminta seorang lagi gantinya. Diundang pula ketua orang Johol. Undang Johol menghadap. Maka diberi seorang lagi. Apakala dapat dibawalah balik. Sampai saja ke sini dinaikkan takhta. Pun mati juga.

Kemudian mesyuaratlah sekali lagi untuk mendapatkan raja. Dapat saja keputusan belayar ke Pagarruyung. Sampai ke sana di undang pula orang Rembaumasuk menghadap. Sultan pun bersetuju memberi seorang lagi. Sebelum ia memberi raja berunding cara sulit dengan orang besar - orang besar istana kerana penipuan cara ini tidak diketahui. Kemudian diberilah seorang lagi. Dapat saja pemberian ini tidak lengah lagi dibawalah balik. Sampai saja ke sini disarongkan takhta. Barulah tidak apa-apa lagi.

Selepas itu mesyuaratlah Undang yang empat untuk menempatkan raja. Sesudah mesyuarat dapatlah keputusan dibawa balik ke Rembau ditempatkan di Ulu Sepri. Namanya ialah Tengku Aji isteri wallah. Kemudian dibuatlah istana, atapnya ijok. Tinggallah raja suami isteri di sana.

Pada satu hari timbullah kisah seorang raja bernama raja Tetoh, datang daripada Pagarruyung hendak merampas kuasa ke sini (Kuala Pilah) dan mengatakan dia raja. Orang Kuala Pilah menerima raja itu dan memerintah di Kuala Pilah.

Kemudian dia mencari rahsia di mana Tengku Aji ini tinggal. Pada satu hari dapatlah ia mendengar khabarnya Tengku Aji tinggal di Ulu Penajis, Sepri, Rembau. Pada satu hari datanglah ia seorang diri dengan senjata hendak membunuh Tengku Aji laki isteri.

Kebetulan pada masa itu isteri Tengku Aji tengah mengandung. Maka berjanjilah suami isteri ini. Jika anak ini laki-laki beri nama Raja Melewar. Jika perempuan isteri sendiri memberi nama.

Pada keesokannya sampailah Raja Tetoh ke Ulu Sepri. Bertemulah di situ. Jadi satu perbalahan. Terjadi pembunuhan antara dua raja itu. Kebetulan matilah Tengku Aji.

Pada waktu itulah isteri Tengku Aji lepas melarikan diri ke dalam hutan membawa diri. Lama kelamaan sampailah ke Legung Hilir dan menumpanglah di situ.

Kisah Raja Tetoh pula. Mati saja Tengku Aji dia balik ke Kuala Pilah memerintah di sana.

Jadi isteri Tengku Aji menetap di Legung Hilir. Tidak lama dia pun melahirkan anak dalam kandungan tadi. Kebetulan anak itu laki-laki. Maka bertanyalah bidan kepada isteri Tengku Aji. "Siapakah nama anak ini." Dijawabnya "Biarlah dahulu. Besok saya beri nama".

Dipeliharalah budak ini dengan baik; tetapi budak ini makin sehari makin jahat. Oleh sebab kejahatan (nakal) selalulah dikatakan oleh budak lawannya, "Anak tidak berayah". Apabila mendengar ejekan ini dia menangis dan mendesak ibunya untuk mendapat namanya serta bapanya. Tetapi malang masa belum mengizinkan untuk diberitahu. Dirayu dan dipujuk oleh ibunya supaya dia tidak mendesak lagi. Budak ini pun membesar dengan subur dan sihat serta gagah.

Pada masa umurnya dua belas tahun, pada masa makan tengahari berserta keluarga di situ dia pun mendesak ibunya supaya dapat tahu namanya dan bapanya. Pada masa itu, berserta sekeluarga itu mendesaknya. Tatkala itulah ibunya menangis terkenang bapa dibuat orang. Lalulah ibunya berkata "Nama anak ini ialah Tengku Melewar, anak Tengku Aji, raja yang dibunuh Raja Tetoh di Ulu Sepri. Sayalah yang dijemput oleh Undang Yang Empat".

Pada masa itu terpegun sebentar. "Rupa-rupanya rajalah yang di rumah kita", kata tuan rumah itu. Langsunglah dihebohkan kepada orang ramai.

Dengan tahu perkara ini hilanglah ejekan-ejekan serta dihormatilah oleh orang di situ.

Pada suatu hari genap umurnya enam belas tahun Tengku Melewar pun memukul tabuh-tabuh larangan untuk memanggil orang ramai. Maka orang ramai pun datang berkumpul di padang Legung Hilir. Maka bertanyalah salah seorang daripada orang ramai tadi, "Apa hajat Tengku memanggil ?".

Dijawab oleh Tengku Melewar hajatnya ialah hendak menuntut bela. "Kemana hendak dituju?" tanya orang ramai. Jawab Tengku Melewar, "ke Kuala Pilah". Tanya orang ramai, "Bila masa kita berangkat." Jawab Tengku Melewar, "pada malam bulan purnama." (Bulan penuh, pada 15 hari bulan orang Islam).

Sampai saja malam itu orang ramai pun datang membawa kelengkapan perang zaman dulu seperti keris, lembing, tombak, pedang dan sebaji. Lepas waktu isyak orang ramai pun bertolak mengiring Tengku Melewar mengikut jalan hutan Miku. Sampai saja di Bukit Lipat Kijang maka dilantik oleh Tengku Melewar dua orang - Orang Besarnya iaitu Panglima Besar dan Panglima Perang. Disitulah menunggu hari siang.

Lebih kurang pukul lapan pagi diperintahkan Panglima Besar dengan Panglima Perang menyampaikan utusan di Istana Raja Tetoh. Sampai di istana waktu itu raja sedang main catur. Diberitahu oleh pengawal kepada raja mengatakan "musuh dari hadapan Tengku". Raja pun mengangkat buah caturnya menutup jalan kedatangan musuh. Dilihat pengawal, diberitahu sekali lagi, "musuh dihadapan Tengku." sekali lagi raja mengangkat buah caturnya.

Lalu masuk Panglima Besar, ditangkapnya raja dan ditikamnya serta dihirupnya darah raja itu. Kemudian dicampakkan pula kepada Panglima Perang, "ini bahagian engkau pulak, panglima perang," kata Panglima Besar. Panglima Perang pun menyambut raja itu dengan keris serta dicincangnya. Habislah riwayat Raja Tetoh.

Kemudian ditanya oleh Panglima Besar kepada orang istana itu, "adakah hajat orang istana hendak melawan".

Jawab orang istana, "tidak!".

"Kalau tidak, jemput raja kita di Bukit Lipat Kijang. Dia ada menunggu di sana".

Orang istana pun pergilah mengambil Tengku Melewar bawa ke istana. Maka tinggal lah di sana beberapa hari saja. Baliklah turun ke Rembau. Sampai sahaja ke Rembau (Legung Hilir) barulah mendirikan istana. Daripada hari itulah baru dinamakan istana raja. Segala rakyat pun membuat rumah dekat istana raja.

Selang beberapa tahun memerintah di Rembau segala kemajuan telah dibuat. Hari demi hari, tahun demi tahun kelakuan raja bertambah kejam. Dengan kekejaman raja orang Rembau tidak dapat menahan kemarahan lalu dihalau raja serta diburu oleh orang ramai.

Maka raja pun lari mengikut jejak mengarah ke Kuala Pilah. Sampai saja di Bukit Lipat Kijang dinantilah oleh seorang perempuan. Namanya Seri. Dibawanyalah ke rumahnya buat sementara waktu. Lepas itu dibawalah ke istana baru nama Seri Menanti sehinggalah sekarang ini.

Lepas itu Raja Melewar pun marah pada orang Rembau, dikeluarkanlah perintah: Barang siapa menjadi Undang Rembau hendaklah berjalan kaki mengikut jejak dia lari dahulu. Barang siapa tidak mengikut perintah akan dihukum mengikut adat istiadat; sehingga sekarang ini.

Sekianlah saja yang dapat saya catitkan sedikit-sedikit serba ringkas.

*Ab. Majid B. Said,
Kg. Senama Tengah,
Rembau, N. SEMBILAN.*

samb. dari m.s 8

4.11 Pada 16 April 1951 telah berlaku satu serang hendap komunis di hutan Jelondong ke atas satu Platon Askar Melayu yang diketuai oleh Leftenan Nayan. Dalam kejadian ini tujuh orang Askar Melayu terkorban dengan tubuh mereka dicincang lumat. Peristiwa serang hendap di hutan Jelondong ini dianggap paling kejam dalam sejarah darurat di Malaysia.

4.12 Daripada fakta geografi adalah dipercayai Jelondong yang menjadi tempat penerokaan To' Jelondong mungkin kawasan perkampungan sebelum ianya terbiar menjadi hutan. Semasa darurat apabila kerajaan mengumpulkan penduduk-penduduk di kampung baru yang berpagar dengan kawat duri, mereka yang tinggal di Jelondong juga dimestikan berpindah. Ketika Inggeris menjalankan perusahaan melombong bijih, Jelondong juga merupakan perlombongan yang terpenting di luak Jelevu.

Dengan wujudnya satu perkampungan yang diambil sempena nama To' Jelondong ini, sejarah penerokaan luak Jelevu oleh To' Jelondong adalah amat jelas. Demikian juga nama suaminya Jelbu dikekalkan sempena nama luak Jelevu itu.